

SEBUAH SOROTAN SUMBER PENGURUSAN ISLAM

Azarudin Awang

azaru154@tganu.uitm.edu.my

CITU, UiTM Terengganu, Kampus Dungun

Azman Che Mat

azman531@tganu.uitm.edu.my

APB, UiTM Terengganu, Kampus Dungun

Abstract

Management is the field that involves human activity and creativity. Therefore, theories or results of human inspirations and thoughts on this matter are considered Islamic as long as it is appropriate and consistent with the requirements of Islamic principles. Here we discuss the sources of Islamic management covering al-Qur'an and the Sunnah. The al-Qur'an and the Sunnah provide fundamental principles of management but we show that there is still a need for the complete compilations of the relevant sources. Other sources are in the form of Islamic scholars experience records, manuscripts, monuments, currency, books, research and study the experience of the companions, the scholars and Muslim scholars engaged in management. It is hope that the sources here provide facilities for further research on formulating an islamic management theory which supersedes the Western theories.

Key words: Islamic Management, History of Islamic Management, Bibliografy on Islamic Management

Abstrak

Bidang pengurusan adalah bidang yang melibatkan kegiatan dan daya pengaryaan manusia, maka, teori atau hasil ilham dan pemikiran manusia juga boleh diterima pakai, asalkan ia bersesuaian dan selaras dengan kehendak syarak. Di sini kami membincangkan tentang sumber rujukan pengurusan, Islam yang termasuk al-Quran dan al-Sunnah

sebagai sumber asasi, tetapi kami dapati kompilasi lengkap berhubung dengan pengurusan masih perlu sumber lain berupa catatan pengalaman sarjana Islam, manuskrip, monumen, matawang, buku-buku, hasil penyelidikan dan kajian pengalaman para sahabat, para ulama' dan para sarjana Islam yang terlibat dengan bidang pengurusan. Sumber-sumber yang dikemukakan bertujuan memudahkan penyelidikan pengurusan Islam dalam suasana dan bentuk yang baharu bagi menghasilkan teorinya yang mengatasi teori pengurusan Barat.

Kata kunci: Pengurusan Islam, Sejarah Pengurusan Islam, Bibliografi Pengurusan Islam.

1. Pendahuluan

Secara amnya pengurusan merangkumi aspek penyelarasan dan perancangan mengikut kaedah-kaedah yang tertentu bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan atau mencapai matlamat tertentu dalam sesebuah organisasi yang ditetapkan oleh pemimpinnya. Dalam kata lain juga, konteks pengurusan berlaku ruang yang sangat luas sama ada dalam urusan dalaman organisasi atau juga urusan luar atau kedua-duanya sekali. Sebahagian sarjana menggunakan istilah pengurusan dengan memberi makna yang sama dengan pentadbiran dan justeru itu dalam Kamus Dewan (2010) pentadbiran memberi konotasi sebagai perbuatan mentadbir, pengelolaan, pengurusan atau pemerintahan. Lantaran itu, Mumin (2006) menjelaskan bahawa apabila dibicarakan aspek-aspek pentadbiran pastinya akan dirujuk kepada pengistilahan pengurusan memandangkan setiap organisasi mempunyai sistem pengurusannya sendiri. Dalam hal ini, Gladden (1952) menjelaskan bahawa pentadbiran dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *administration* adalah perkataan yang berasal daripada Latin iaitu *administrare* yang bermaksud menjaga dan mengawasi manusia, mengurus hal-hal dan permasalahan. Alhabshi (1989) yang menjelaskan bahawa pengurusan dan pentadbiran merupakan proses pendapat dan mencantumkan sumber kewangan, modal, tenaga manusia dan sebagainya bagi mencapai matlamat organisasi sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan. Dalam kata lain juga, pengurusan dan pentadbiran adalah bertujuan mencapai objektif yang ditetapkan dan ia dilaksanakan secara berterusan. Namun begitu sebahagian pengkaji memberi makna yang berbeza antara pengurusan dan pentadbiran, tetapi dari segi pelaksanaan, tidak ada garis pemisah yang boleh dibuat untuk mengasingkan antara pentadbiran dan pengurusan (Mustafa 1994).

Menurut al-Buraey (1990) sumber pentadbiran dan pengurusan Islam wujud dalam bentuk primer dan sekunder yang bersumberkan

syariah. Sumber primer meliputi al-Quran dan al-Sunnah bersifat muktamad manakala sumber sekunder meliputi ijihad ulama-ulama Islam, dokumen, manuskrip, monumen, matawang dan tulisan-tulisan ulama Islam.

Makalah ini bertujuan memperjelaskan lagi dan menyediakan sumber-sumber ini dengan lebih konkret dan menilai sejauh mana sumber-sumber itu tercapai.

2. Al- Quran Sebagai Sumber Pengurusan Islam

Al-Qura'an memaparkan batasan perundangan dan perlembagaan yang menyentuh aspek-aspek pentadbiran. Justeru, *al-Qura'an* menggunakan perkataan *yudabbiru* (يدبر) yang memberi maksud mengatur, menentukan sesuatu urusan dan menguruskan sesuatu dengan sempurna (Salim, 1994). Al-Buraey (1990) menjelaskan maksud perkataan *yudabbiru* sebagai mengarah, memimpin, mengendali, mengurus, merancang, mengawal, mengatur dengan baik. Penggunaan istilah ini ditemui dalam *Suraht Yunus*: 3, dan 31; *al-Radu*: 2; dan *al-Sajadah*: 5. Malahan perkataan “tadbir” yang digunakan dalam bahasa Melayu itu sendiri berasal daripada perkataan Arab ini yang memberi maksud pengelolaan atau menjalankan tugas mengurus (Kamus Dewan 2010).

Menurut Abu Sin (1991) dalam konteks penggunaan yang lebih umum, *al-Qura'an* mengenegahkan secara langsung asas-asas pengurusan dan pentadbiran. Contoh yang diberinya *ayaht-ayaht* yang menyentuh tentang pengurusan negara:

1. Kekuasaan umum dan kedaulatan (*Suraht 2: Ayaht 225*), selepas ini ditulis (2:225) sahaja.

2. Asas-asas hukum (49: 11), (2: 229), (3: 105), (4:29, 93, 148), (5: 78, 79), (17: 33), (24: 23, 27), (31 : 18) dan (49: 6)

3. Hak kerajaan ke atas rakyat-kesetiaan, kerjasama, pemeliharaan undang-undang (2 : 191) dan (5:33), dasar luar - saling menghormati perjanjian (16: 91), jujur (16:92), keadilan antarabangsa (5:8), perjanjian keamanan (8:61), menghormati orang awam (4: 89), larangan pencerobohan (16: 92), perlindungan orang-orang Islam di negara bukan Islam (8:72), jalinan hubungan diplomatik (55:60), tindakan kepada penceroboh. (92:194) keadilan pentadbiran (4: 58) pemerintah dan rakyat (2: 124), syura (3: 159) kepimpinan (3: 118)

Contoh-contoh ini masih perlu dikaji relevannya dengan pengurusan sesebuah institusi.

Mustafa (1994) menjelaskan bahawa *al-Qura'an* menerangkan konsep tentang pengurusan sebagai satu sistem masyarakat (6:162), pengurus sebagai satu amanah (4:58) mematuhi ketua dan pemimpin (5:2), mengutamakan nilai kemanusiaan (9:71) dan perlu melaksanakan kebenaran (9:71). Begitu juga Berhanundin (2000) menyatakan bahawa banyak asas umum disebut di dalam *al-Qura'an* dengan contohnya pelaksanaan prinsip syura (3:159), kerja berpasukan (5:2), jujur (98:5), baik (33:2) bertanggungjawab (36:65) dan mengurus masa dengan baik (103:1-3)

Namun sehingga kini belum ada lagi indeks *al-Qura'an* yang khas terhadap pengurusan, walaupun beberapa indeks umum *al-Qura'an* memang agak banyak. Tegasnya, *al-Qura'an* memang diakui Muslim sebagai sumber hukum Islam yang pertama yang secara umumnya menggariskan satu kerangka rujukan yang membolehkan sarjana menerbitkan asas teori pengurusan Islam yang terbaik seluruh dunia. Malangnya dunia masih menunggunya, bahkan indeks lengkap ayat-ayat *al-Qur'aan* yang dianggap relevan dengan pengurusan masih belum wujud.

3. *Al-Sunnah* Sebagai Sumber Pengurusan Islam

Kebanyakan ahli *hadith* tidak membezakan antara *sunnah* dan *hadith* dari aspek bahasa. Justeru itu sama ada *hadith* atau *sunnah*, kedua-duanya merujuk kepada apa-apa yang disandarkan kepada *Rasulallah* sama ada berupa perkataan, perbuatan, penetapan ataupun sifat (al-Khatib, 1971). Menurut Mustafa (1994) *hadis* atau *sunnah* yang berkaitan pengurusan menjelaskan tentang pengalaman dan amalan demokrasi, peranan penguasa tempatan dalam memahami masalah rakyat, bertanggungjawab terhadap peraturan yang dibuat yang semestinya bersesuaian dengan keadaan dan tempat, memupuk tanggungjawab kemasyarakatan, tempatan dan perpaduan kaum; memberi peluang penduduk tempatan memberi sumbangan serta melaksanakan projek dengan segera.

Menurut Wan Hasan drk. (2003) pengumpulan *hadith* atau *sunnah* Nabi S.A.W sebagai sumber rujukan Islam dimulai oleh Ali bin al-Mawafi (234 H, sekitar 856 M) iaitu guru kepada Imam *al-Bukhari*. Usaha ini bermula untuk memisahkan *hadith-hadith* yang benar dan palsu yang terdapat dalam masyarakat. Lantaran itu, lahirlah beberapa kitab *Hadith* yang masyhur seperti *al-Jami' al-Shahih* susunan Imam al-Bukhari (25 6H, sekitar 878 M) dan *al-Jami' al-Shahih* susunan Imam Muslim (261 H, sekitar 883 M). Kedua-dua kitab tersebut dikenali dengan nama *al-Shahahayn* (الصحيحين). Selepas kitab ini maka lahirlah pula empat buah kitab yang dinamakan *al-Arba'aht al-Sunnan* (الإربعة السنن), iaitu *Sunan*

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

Abi Dawud (275 H, sekitar 897 M), *Sunan Al-Tirmizi* (271H, Sekitar 895M), *Sunan Al-Nasa'i* (303 H, sekitar 925 M) dan *Sunan Ibnu Majah* (277 H, sekitar 899 M). Kitab-kitab *al-Shahahayn* dan *Sunan al-Arba'aht* ini juga dinamakan oleh ulamak sebagai *al-Kutub al-Sittah* kerana jumlah yang enam buah kitab besar dan berwibawa itu.

Mahmassani (1961) membahagikan *hadith* atau *sunnah* kepada tiga bahagian, iaitu *sunnah qawliyyah* (kata-kata Rasulullah), *sunnah fi liyyah* (perbuatan dan amalan Rasulullah) dan *sunnah taqrariyyah* (persetujuan Rasulullah yang tidak diucapkan). Dalam konteks pengurusan Islam, al-Buraey (1990), Ahmad Ibrahim (1991) dan Mustafa (1994) menjelaskan asas-asas pengurusan berdasarkan *hadith* dan *sunnah* disandarkan pada pengucapan, perbuatan atau *taqrir* Nabi Muhammad S.A.W. yang menekankan tentang hubungan kemanusiaan, kecemerlangan kerja, pengelolaan diri dan masa, kepentingan ilmu, motivasi kerja, pemberian upah, amanah tugas, menegakkan kebenaran dan komunikasi.

Namun begitu, ulama-ulama dahulu meletakkan *hadith-hadith* yang berkaitan pengurusan Islam ini dalam bab-bab yang berselerakan memandangkan ilmu pengurusan masih belum dilihat sebagai satu disiplin yang khusus. Misalnya *hadith* yang sama yang menyentuh aspek tanggungjawab kepimpinan disebut oleh Imam Bukhari dalam bab *Ahkam (hadith 1)*, Imam Muslim menyebutnya dalam bab *Ijarah (hadith 20)* manakala Imam Ahmad menyebutnya dalam bab 2 (*hadith 53*). Perihal *hadith* yang sama yang membicarakan tentang etika diceritakan oleh Imam Bukhari dalam bab *zakaht (hadith 52)*, Imam Muslim menyebutnya dalam bab *Iman (hadith 302)*, al-Darimi pula menyebutnya dalam bab perkara-perkara sunat (*hadith 16*) dan al-Nasai' menyebutnya dalam bab jenayah (*hadith 118*). (Demikian mengikut Winsted, 1937). Yang pastinya, anasir pengurusan Islam ditunjukkan oleh Rasulullah dalam lapangan kehidupan yang sangat luas sehinggalah perbincangan secara sistematik tentang kepentingan pengurusan Islam telah dilakukan oleh ulama-ulama Islam pada era Tamadun Islam yang berikutnya.

Selain daripada itu, gambaran tentang pentadbiran Rasulullah boleh dilihat dalam *sunnahnya* termasuk yang berbentuk dokumen seperti Perlembagaan Madinah, surat-surat perjanjian dan surat-surat dengan kerajaan asing. Antara ciri menarik pentadbiran Rasulullah ialah baginda mewujudkan jawatan yang diawalkan seluruh, iaitu naib-naib (*Na'ibin*), setiausaha (*Katib*), hakim (*Qadi*), penasihat-perunding (*Mushir*), Duta (*Rasul*), Pemungut Cukai (*amil*), Gabenor (wali) dan Naqib (*Nuqaba'*)

Dalam konteks yang lebih tersusun, sebahagian ulama Islam dahulu lagi telah meletakkan *hadith-hadith* rasul berdasarkan pengelasan

pengkajian dalam bidang pengurusan misalnya Abu Yusof (789 M) memetik *hadith-hadith* tentang pengurusan ekonomi dalam kitabnya *al-Kharaj*, Ibnu Qutaibah (889 M) memetik *hadith-hadith* yang berkaitan adab menulis (setiausaha), misalnya dalam tulisannya *Adab al-Katib*. Al-Jahsyayri (942 M) mengambil *hadith-hadith* tentang pengurusan dalam tulisannya, *Kitab al-Wuzara' wa al-Kuttab*, al-Mawardi (1058 M) dalam tulisannya *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah* memetik *hadith-hadith* yang berkaitan kepimpinan dan pemerintahan yang banyak relevannya dengan kepengurusan. Begitu juga Ibnu Khaldun menulis tentang *A'mal al-A'lam*, Ibnu Haris al-Khushayni menulis *al-Qudat bi Qurtubah*, manakala Ibnu 'Abdun menulis tentang *Hisbah* yang banyak mengambil *hadith* yang berkaitan pemerintahan dan tanggungjawab pemimpin (yang sebahagiannya relevan dengan pengurusan). Sebagai contoh juga dengan mengambil pengalaman-pengalaman yang berlaku pada zaman *Rasulullah*, al-Mawardi menghubungkan pengalaman *Rasulullah* dalam karya beliau berasaskan susunan bermula dengan ciri-ciri negara Islam, konsep *khilafah*, kementerian, dewan, pengawasan dan kerajaan tempatan yang sebahagian besarnya boleh dicungkil prinsip-prinsip pengurusan Islam. Lebih rinci lagi, beliau menyenaraikan tugas dan tanggungjawab gabenor sebagaimana yang disebut oleh *Sunnah Rasulallah* seperti menyediakan angkatan tentera dan menguruskan gaji serta kebajikan; membentuk kehakiman dan melantik ketua; menyediakan pungutan dan agihan zakat, *kharaj* dan sebagainya; memelihara wanita dan kehormatannya, memelihara ibadat khusus dan mengetuai perang apabila negara di serang musuh dan menguruskan agihan *ghanimah*. Semua ini boleh menjadi sumber pengurusan yang masih belum dicungkil dengan sebaik-baiknya.

Sepertilah dengan indeks *al-Qura'an*, kami juga belum menemui pungutan *hadith* yang mengandungi semua *hadith* berkenaan pengurusan yang memudahkan penyelidik terutamanya mendapat prinsip-prinsip pengurusan bagi tujuan membina teori pengurusan Islam yang mantap.

4. Ijtihad Sebagai Sumber Pengurusan Islam

Wan Liz (1996) menyatakan bahawa tercetus pemikiran baru dalam pelbagai bidang pada zaman Keemasan Islam hasil daripada kemampuan cendekiawan Islam untuk menghasilkan kaedah-kaedah yang baru secara kreatif dan penuh ketekunan melalui ijmak, qiyas, istihsan, istidlal dan uruf. Khalifah Sayyidina 'Umar al-Khattab membuka ruang ijtihad seluasnya dalam pengurusan Islam. Keperluan kepada penyelesaian isu-isu baru ekoran semakin meluasnya negara Islam dan bertambah ramai orang-orang Arab memeluk Islam. Lantaran itu Sayyidina 'Umar

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

membuka ruang ijtihad yang begitu luas dalam dengan membentuk organisasi-organisasi baru yang tidak ada sebelumnya bagi mempermudah urusan pemerintahan dan melayani keperluan masyarakat. Justeru, berlaku penambahbaikan pengurusan Islam yang cukup luas pada zaman pemeritahan Umar melalui pintu ijtihad dalam pengurusan ekonomi, pemerintahan, penubuhan jabatan-jabatan, kemasyarakatan, ketenteraan, pembangunan negara (Paryadi, 2008). Malahan melalui kebijaksanaan dan keberanian Sayyidina ‘Umar dalam melakukan reformasi dalam pengurusan melahirkan pelbagai kreativiti dan inovasi yang berwawasan yang seterusnya menjadi tonggak penyebaran Islam dan pemerksaan umat Islam.

Jelasnya, pengurusan Islam amat memerlukan kepada kekuatan ijtihad bagi memperolehi impak positif yang maksimun tambahan lagi urusan yang rumit dan kompleks sentiasa wujud dalam kehidupan umat Islam setiap hari. Dalam konteks pengurusan Islam, ijtihad diperlukan bagi menegakkan kebenaran, membela keadilan dan memberi tunjuk ajar dalam gerak kerja yang berlaku. Lantaran itu Aidit (1991) menyenarai beberapa ulama Islam yang telah menulis bidang-bidang yang berkaitan dengan pengurusan:

1. Al-Muhasibi (165-143H/781-857M) menulis tentang pengawalan kepentingan diri dalam pengurusan, konsep keseimbangan, konsep kekayaan dan pendapatan, dan berjimat cermat.

2. Ibnu Hazm (384-456H/994-1064M) menulis tentang keperluan asas, kemiskinan, zakat, cukai dan teori pemilikan tanah.

3. Nizam al-Muluk al-Tusi (408-485H/1017-1093M) menulis tentang hal ehwal kebajikan, pentadbiran dan pengurusan Negara, tanggungjawab pemerintah dan rakyat, produktiviti dan kualiti, keperluan dan perancangan awam.

4. Al-Ghazali (450-505H/1058-1111M) yang menulis tentang kebajikan, keadilan kerajaan, kemakmuran ekonomi, pembahagian buruh, pengkhususan pekerjaan, zakat, sumber pendapatan, perdagangan, akauntibiliti pengurusan harta, pemilikan, kemiskinan dan etika ekonomi.

5. Al-Turtusi (450H/1058M) menceritakan tentang pembangunan tanah, cukai, isu, kewangan Negara, kebajikan sosial, rasuah dan penyelewengan.

6. Al-Shirazi(589H/1193M) menulis tentang al-Hisbah (pengawasan), konsep kerja, kesatuan kerja dan perdagangan.

7. Fakhruddin al-Razi (543-606H/1149-1209M) menulis tentang sumber kekayaan, keperluan asas, konsep berjimat, kemiskinan dan analisis perbelanjaan.

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

8. Ibnu Ukhuwwah (790H/1329M) menulis tentang kebajikan umum dan fungsinya, undang-undang sosioekonomi, isu perjanjian perdagangan dan pengurusan perdagangan.

9. Al-Maqrizi (767-846H/1364-1445M) menulis tentang kewangan, kuasa membeli, pengurusan belanjawan, cukai dan pengurusan pasar.

10. Ibnu Tufail al-Qaizi (493-581H/ 1100-1185M) menjelaskan tentang teori ekonomi, pembangunan, individu dan masyarakat.

11. Muhammad Iqbal (1290-1357 H/1873-1938M) menulis tentang teori ekonomi, hubungan pembangunan rohani dan material, hak pemilikan awam dan peranan golongan wanita dalam pengurusan.

Karya-karya pada Zaman Tamadun Islam berkenaan pemimpin memang banyak dan pada masa itu pemimpin dan pengurusan tidak dibezakan. Karya-karya ini perlu dikaji untuk mendapatkan aspek pengurusannya. Contohnya, Abu Nasr Muhammad al-Farābi dalam bukunya *al-Madīnah al-Fādilah*; Abu Hamid Muhammad al-Ghazali menulis kitab *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk*. Ibnu Khaldun dalam karyanya *Muqaddimah*; al-Mawardi menulis *al-Ahkan al-Sultdaniyah* yang telah disebut sebelum ini.

Pengurusan Islam juga boleh dicungkil prinsip-prinsipnya melalui buku-buku yang ditulis oleh para sejarawan yang mengandungi catatan sejarah Zaman Tamadun Islam yang menceritakan corak pentadbiran yang berlaku pada zaman *Rasulallah*, *Khulafa Al-Rasyidin*, Bani Umayyah dan Abbasiyyah. Menurut al-Buraey (1990:273-281) contoh kitab tersebut ialah yang berikut:

1. *Sirah Rasululllah* karangan Muhammad Ishak Al-Madani.
2. *Kitab Al-Kharaj* karangan Yaakub bin Ibrahim Al-Ansari (Abu Yusof). Beliau merupakan Qadi Besar dan penasihat dalam masalah pentadbiran kepada Khalifah Harun Al-Rasyid.
3. *Al-Imamah wa- al-Siyasah* karangan Ibn Qutaibah.
4. *Tarikh Al-Umam Wal Muluk* karangan At-Tabari.
5. *Muruj Az-Zahab Wa Ma'adin al-Jawhar* karangan Abu Al-Hassan Ali Mas'udi.
6. *Kitab Al-Siyasah Al-Syariyyah* karangan Taqi ad-Din Ahmad Abdul Halim Ibn Taimiyyah (661-728H/1262-1327M) yang membicarakan prinsip-prinsip pentadbiran berlandaskan Islam, tugas dan tanggungjawab seseorang pemimpin, konsep keadilan, perundangan dan membuat keputusan. Beliau juga menulis buku *Al-Hisbah dan Minhaj Al-Sunnah* yang berkaitan tentang pentadbiran.

Mengikut Wan Liz (1996) Dr S.A.Q Husaini dalam bukunya “*Arab Administration*” menulis secara terperinci tentang pentadbiran pada

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

zaman *Rasulullah*, *Khulafa Al-Rasyidin*, era pentadbiran Bani Umayyah dan 'Abbasiyah. Akan tetapi penyelidik masih perlu mencungkil aspek pengurusan di dalamnya.

Pada abad ke-20, antara tokoh bukan Islam yang aktif dalam menghasilkan tulisan-tulisan yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran seperti berikut:

Binder L. 1955. *Al-Ghazzali's theory of Islamic Government*.

Goitein S.D. 1949. *A Turning Point in the History of the Muslim State*.

Jabnoun N.1994. *Islam and management*.

Lambton A.K.S. 1954. *The Theory of Kingship in the Nasihat al Muluk nof Ghazali*.

Miller W.E. 1989. *Third World Islam Muslims Arab States/P 2735* (Public administration series--bibliography)

Quelch J.A. 2000. *Cases in Strategic Marketing Management: Business Strategies in Muslim Countries*.

Tripathi R.P.1966. *Aspect of Muslim Administration*

Penulis-penulis Islam luar Asia Tenggara yang menulis tentang pengurusan dan pentadbiran Islam adalah seperti berikut:

`Abd al-Hadi, Hamdi Amin. 1975. *al-Fikr al-idari al-Islami wa-al-muqaran : al-usul al-`ammah*.

Abdul Malik Ahmed. 1974. *al-Idarah fi al-Islam, al-Islam fi hadaratih wa-nizumihi: al-idarah wa-al-siyasah wa-al-adabiyah wa-al-`ilmiyah wa-al-ijtima `iyah wa-al-iqtisadiyah wa-al-fanniyah / Classical Arabic-Islamic political theories of administration: ananalysis and evalution of their contemporary significance*.

Ahmad A. 1964. *Shura and Ijma in the Early Islamic State*.

Aziz Ahmad. 1968. *An Eighteenth-Century of the Caliphate*.

Fazlur Rahman. 1967. *Implementation of the Islamic Concept of State in the Pakistani Millue*.

Haroon Khan Sherwani. 1977. *Studies in Muslim Political Thought and Administration* (Studies in Islamic history ; no. 11)

Imamuddin S.M. 1984. *Arab Muslim Administration*.

Ishtiaq Husain Qureshi. 1958. *The Administration of the Sultanate of Delhi*.

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

- Mohammed Galib Hussain & S. Abdul Sajid. 2012. *Islamic Corporate Culture and Management Styles: A Study Based on Western and Islamic Personal Values of Muslim Business Executives*.
- Mohd. Akhtar Siddiqui. 2009. *Management of education in Muslim institutions*,
- Ram Prasad Tripathi. 1966. *Aspects of Muslim administration*.
- Rasool Azari R. 2003. *Current Security Management & Ethical Issues of Information Technology*.
- Muhammad Aziz Ahmad. 1943. *The Nature of Islamic Political Theory*.
- Muhammad Hamidullah. 1943. *The Muslim Conduct of State*.
- Muhammad Hassan Shaikh. 1984. *Muslim contribution to administration*.
- Samir S. Ghazal. 2009. *Prosperity Management: An Islamic Perspective*.
- Sherwani, H. K. 1966. *Studies in Muslim political thought and administration*.
- Tayeb Abidin. 1970. *The concept of syura*.
- Zohra Sarwari. 2009. *Powerful-Time-Management-Skills For Muslim*

Penulis-penulis tempatan pula adalah seperti berikut:

- Ahmad Ibrahim. 1997. *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*.
- Abd. Jalil Borham. 2002. *Pentadbiran undang-undang Islam negeri Johor*.
- Abdul Ghaffar Don et.al 2000. *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan pelaksanaan*.
- Azman Che Omar. 2001. *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*.
- Hapipah Endot. 1970. *Pentadbiran Jabatan Agama Johor dan peranannya dalam masyarakat Islam*.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 1996. *Institusi pentadbiran undang-undang & kehakiman Islam*.
- Mustapha bin Hj. Nik Hassan. 1998. *Pengurusan makro ekonomi negara dari perspektif Islam (Siri sudut pandangan IKIM)*.
- Shafie Hj. Mohd. Salleh & Mohd. Affandi Hassan. 1990. *Kecemerlangan Pentadbiran : Dasar Dan Amalan Dalam Islam*, INTAN.
- Shafie Haji Mohd. Salleh. 1999. *Kecemerlangan pentadbiran: dasar dan amalan dalam Islam*.
- Syed Othman Al-Habshi. 1998. *Pengurusan dan pentadbiran: mencapai kecemerlangan melalui penghayatan nilai*.

Syed Othman Alhabshi. 1994. *Islamic values and management*.

Yusof Noor. 1993. *Kecemerlangan pentadbiran: Dasar Amalan dalam Islam*.

Sementara itu, terdapat tulisan-tulisan tentang pengurusan Islam yang diterjemahkan ke bahasa Melayu antaranya buku *Sistem pemerintahan dalam Islam* (1991) karya Dr. Abu Al-Maati Abu Al-Futuh diterjemahkan oleh Md. Akhir Hj. Yaacob, Tanthowi, Jawahir (1983) *Unsur-unsur manajemen menurut ajaran al-Quran* dan buku *Politik pentadbiran Negara Islam zaman Nabi Muhammad SAW* (1993) karya Abdul Muta'al as-Sa'idi diterjemahkan oleh Abdullah al Qari. Sheikh Zambry Abd. Kadir Ghazali Sheikh Abod (1991) *Pengurusan Perniagaan Islam*, Abu Sin, Ahmad Ibrahim (1997). *Pengurusan dalam Islam*, Muhammad Yasin Mazhar Siddiqui, (1993). *Organisasi kerajaan pimpinan Rasulullah*,

Seperti dengan bidang pengurusan Barat kini, pengurusan dan Islam terangkum dalam satu disiplin ilmu yang sangat luas dan saling berhubung kait dengan disiplin ilmu lain, oleh itu didapati para sarjana yang membicarakan aspek-aspek pengurusan Islam dalam tiga bentuk keadaan iaitu pertamanya, menulis disiplin ilmu yang tertentu seperti ekonomi, undang-undang dan politik dengan menghubungkaitkan dengan pengurusan Islam, keduanya para sarjana menulis ilmu dengan tema pengurusan Islam; dan yang ketiganya, para sarjana menulis aspek-aspek pengurusan Islam yang sedia ada diamalkan. Aspek ketiga ini tidaklah begitu diminati di dalam penulisan makalah ini.

5. Dokumen Sebagai Sumber Pengurusan Islam

Kajian terhadap dokumen adalah penting untuk memperolehi maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji, dapat menyusun dan mengenalpasti masalah yang dikaji, menajamkan perasaan untuk meneliti, membuat analisis yang kritis dan memperluaskan pengalaman ilmiah (Ahmad 2009). Menurut Abdul Mun'im (1964) dokumen atau *al-Wathaiq* merupakan kenyataan yang bertulis secara rasmi di atas lembaran yang boleh dijadikan bukti atau keterangan bagi pentadbiran kerajaan Islam. Ia meliputi surat-surat, perintah-perintah rasmi, amanat-amanat, perjanjian-perjanjian dan sebagainya. Dokumen meliputi surat-surat Rasulullah khususnya yang berkaitan dengan politik dan dasar luar Negara telah memberi ruang kepada ahli-ahli sejarah Islam menjadikan *wathaiq* sebagai salah satu sumber rujukan pentadbiran. Menurut beliau lagi, pada zaman pemerintahan Saidina Umar segala dokumen-dokumen Rasulullah disimpan di *Diwan Al-Insya* (pejabat urusan) yang sebelumnya disimpan di rumah Rasulullah Pada zaman pemerintahan

khalifah Al-Walid bin Abdul Malik dan Abdul Malik bin Marwan (Bani Umayyah), berlaku kegiatan penterjemahan *al-wathaiq* yang berkaitan dalam pentadbiran dari bahasa Yunani dan Parsi ke bahasa Arab. Ia meliputi 20 dokumen yang berupa ucapan khalifah dan gabor, surat-surat, perjanjian dan amanat.

Rosenthal (1968) menjelaskan bahawa Al-Ya^cqubi meletakkan bab yang khusus di dalam kitabnya, hubungan luar yang dilakukan oleh Rasulullah dan Khulafa' Al-Rasyidin. Dalam karya Al-Balazuri "*Al-Ansab Al-Ashraf*", memuatkan surat Saidina Usman yang diutuskan kepada orang-orang Mesir yang membantah pemerintahan dan kekuasaannya. Dokumen-dokumen yang menyentuh hal ehwal politik, perlantikan khalifah dan pegawai walaupun tidak ditonjolkan kepada umum namun ia menjadi bahan yang dikumpul oleh sejarawan. Asy-Syalabi (2003) dengan memetik sumber-sumber daripada dokumen menjelaskan secara terperinci pengurusan kerajaan Turki Utsmaniyyah pada beberapa fasal pemerintahan kesultanan Turki yang merangkumi zaman penubuhan, zaman kegemilangan, dan zaman keruntuhan. Antaranya penulis menjelaskan bahawa penubuhan beberapa jabatan dan jawatan dan kanun khusus memastikan kelancaran pengurusan empayar tersebut. Balkhis (1996) memetik tulisan al-Maqari (1302) yang menjelaskan bahawa pengurusan kehakiman yang berlaku pada zaman pemerintahan kerajaan Andalusia. Berdasarkan surat arahan qadi atau hakim memanggil khalifah untuk memberi keterangan di mahkamah bagi menyelesaikan sesuatu kes menunjukkan bahawa qadi mempunyai kuasa yang sangat besar.

Al-Buraey (1990) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis dokumen dalam pentadbiran Islam yang setiap satunya mewakili zaman yang berbeza, iaitu:

1. Dokumen yang ditulis oleh khalifah Ali bin Talib. Dokumen ini dianggap sumber dokumen yang lengkap dalam sejarah pentadbiran Islam ini berupa sepucuk surat nasihat dan arahan kerja kepada Gabernonya di Mesir iaitu Malik Al-Astar Al-Nukhai'i sempena perlantikannya sebagai Gabenor yang baru. Surat ini mengandungi prinsip-prinsip pentadbiran dan saranan-saranan mengikut *Al-Qur'an* dan *As-Sunnah*. Antara nasihat beliau:
 1. Memberi contoh yang baik kepada pekerja dan rakyat jelata,
 2. Melantik pegawai yang berkeelayakan, salih, jujur, amanah dan bertaqwa dalam pengurusan,
 3. Melaksanakan keadilan,
 4. Waspada kepada pengumpat dan pengeji,

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

5. Penyeliaan terhadap pembantu dan urusetia dengan memastikan keadilan social,
 6. Sentiasa berunding dengan pembantu dengan tidak mengeluarkan arahan tanpa perundingan,
 7. Memerangi rasuah, ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa,
 8. Sentiasa bertanggungjawab dan berdisiplin terhadap pegawai,
 9. Mengambil berat terhadap gabenor dan wakil-wakil Negara,
 10. Tidak takbur dan riak,
 11. Tidak mengambil kesempatan terhadap harta negara untuk kepentingan diri dan keluarga.
2. Sepucuk surat (antara tahun 127H-132H) yang ditulis oleh ketua setiausaha pada zaman pemerintahan Marwan II iaitu Abdul Hamid bin Yahya kepada rakan setiausahanya yang membincangkan peranan setiausaha dalam hubungan sesama manusia, nasihat supaya menambahkan ilmu, seruan supaya adil dalam membuat keputusan dan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang setiausaha.
 3. Surat yang ditulis pada era pemerintahan kerajaan Abbasiyyah semasa pemerintahan khalifah Al-Makmun (198-281H). Menurut Al-Buraey (1990), sumber ini merupakan sumber yang terbaik dalam menjelaskan prinsip-prinsip politik, pentadbiran dan penulisan Islam Islam. Surat ini ditulis oleh Tahir Ibn al-Husayn, panglima perang khalifah al-Makmun kepada anaknya iaitu Abdullah ibn Tahir yang menjelaskan tentang tugas dan tanggungjawab ketua-ketua pentadbir. Antara kandungan surat ini nasihat-nasihat yang merangkumi aspek:
 1. Gesaan melaksanakan keadilan tanpa mengira kedudukan dan keturunan,
 2. Selalu berserdahana dalam urusan,
 3. Tidak mencurigai pegawai yang diberi amanah kerja,
 4. Melaksanakan dan menunaikan perjanjian,
 5. Mengutamakan kemuliaan dan kelembutan dalam dalam urusan kerja,
 6. Menggunakan harta bagi kesejahteraan manusia,
 7. Tidak memandang ringan terhadap segala bentuk kedosaan,
 8. Selalu berbincang dengan ahli hokum,
 9. Berbakti kepada orang miskin dan orang buta,
 10. Mendirikan rumah sakit.

Justeru, sumber dokumen yang diperolehi oleh al-Buraey itu merupakan contoh bagaimana aspek pengurusan dan pentadbiran Islam diperolehi melalui pengkajian terhadap naskhah asal. Kajian terhadap dokumen dari pelbagai zaman mendedahkan bentuk pengurusan

pemerintah Islam yang beraneka Para penulisnya yang terdiri dari golongan birokrat ini memberi gambaran begitu menarik tentang pentadbiran pusat, daerah dan pelbagai kehidupan sosial manusia.

Dalam konteks dokumen sebagai sumber pengurusan di Malaysia, contohnya yang menceritakan pengurusan yang berlaku di negeri Terengganu pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke 20, Muhammad Yusoff (1991) menyatakan bahawa dokumen yang bersifat laporan-laporan rasmi, surat-surat dalam kalangan pentadbir dan pemerintah Terengganu, naskhah-naskhah perjanjian, catatan dalam bentuk memo serta cebisan surat yang lahir dalam bentuk puisi digunakan bagi melihat sejarah pentadbiran di negeri Terengganu sehingga 1940. Antara dokumen tersebut:-

1. Warkah Tok Ku Paloh kepada Sultan Zainal Abidin tanpa tarikh
2. Warkah Sultan Zainal Abidin III kepada gurunya Hj Wan Abdullah Abdul Latif bertarikh 19 Ramadan 1320 H.
3. Naskhah perjanjian Terengganu-Inggeris yang terkandung sebanyak empat fasal bertarikh 12 Rabiul Awwal 1328 H (1910M)
4. Naskhah perjanjian Terengganu-Inggeris (pindaan) bertarikh 24 Sya'ban 1337H (1919M)
5. Warkah rasmi daripada Pesuruhjaya Besar Kemaman, Abdul Rahman bin Ishak kepada setiausaha kerajaan Terengganu bertarikh 19 Jamiul Awwal 1336 H (1918M)
6. Naskhah salinan 23 rangkap syair simbolik sejarah karangan Ngah Muhamad Yusof, setiausaha sulit Sultan Zainal Abidin III tanpa tarikh.

Dokumen-dokumen di atas mendedahkan bagaimana pengaruh ulama-ulama Islam dalam pengurusan di negeri Terengganu pada era tersebut sangat penting, lebih-lebih lagi pengaruh langsung Inggeris mula bertapak di negeri tersebut. Walaupun cetusan pemikiran klasik ini telah beratus tahun usianya, ini tidak bermakna ia sudah usang dan tidak relevan lagi dengan zaman hari ini. Malah di dapati bahawa idea-idea tersebut boleh diguna pakai dan diamalkan hingga hari ini khususnya yang menyentuh prinsip-prinsip pentadbiran, dasar, etika dan ciri-ciri kepimpinan.

6. Manuskrip Sebagai Sumber Pengurusan Islam

Manuskrip merupakan naskhah asal yang ditulis dengan tangan dan ia juga menjadi salah satu daripada sumber pentadbiran Islam. (Al-Buraey, 1990) Para sarjana Islam melihat manuskrip merupakan sumber yang penting merakamkan kekayaan budaya kehidupan masyarakat silam termasuk dalam aspek pengurusan dan pentadbiran kerajaan silam. Malah

sarjana Barat mengkaji sebanyak mungkin naskah manuskrip lama untuk memahami budaya orang lain. Tidak hairanlah, jika pada hari ini manuskrip-manuskrip lama Tamadun Islam banyak di dapati di perpustakaan di Eropah (Zakaria drk. 2005). Dalam konteks pengkajian manuskrip pengurusan Islam, al-Buraey (1990) menjelaskan bahawa dalam kajiannya terhadap 10 manuskrip di Darul Kutub, Kaherah dan 5 manuskrip di Kompleks Sulaimaniyyah, Istanbul, Turki menjelaskan bahawa manuskrip ini banyak mendedahkan tentang politik, perlakuan pemerintah, nasihat-nasihat pemimpin dan pentadbiran khalifah secara umum pada zaman tersebut. Al-Buraey telah membahagikan tiga aspek pengurusan yang ditemui dalam tinggalan manuskrip ini, iaitu:

1. Nasihat pemerintah dalam melaksanakan pentadbiran negara dan masalah-masalah masyarakat,
2. Etika dan akhlak Islam yang perlu ada pada seorang ketua eksekutif,
3. Keadilan dan ciri-ciri pemerintah yang adil.

Kajian manuskrip yang dilakukan oleh al-Buraey ini mendedahkan bagaimana nilai-nilai murni seperti kejujuran, kemuliaan, keteguhan dan ketabahan hati di kalangan menteri (*wuzara*), setiausaha-setiausaha (*kuttab*) menjadi intipati dalam pentadbiran kerajaan Islam pada zaman tersebut. Kajian terhadap manuskrip juga mampu mendedahkan kelemahan yang wujud pada sesebuah organisasi pentadbiran. Agak berbeza dengan sumber ijthad yang diterima sebagai sumber yang rasmi, manuskrip dilihat sebagai tulisan-tulisan asal yang menceritakan fenomena perlakuan dalam sebuah tamadun termasuk perihal pentadbiran. Justeru, dalam suasana yang tertentu sumber manuskrip ini perlu dilakukan pemahaman dan penyusunan yang baik agar ia sesuai dengan kehendak semasa.

Dalam konteks di Alam Melayu, pengkajian manuskrip dijangka banyak mendedahkan ragam kehidupan masyarakat di alam Melayu khususnya dalam aspek urusan pemerintahan. Penglibatan istana telah dibuktikan dengan beberapa hasil tulisan historiografi Melayu Tradisional, iaitu daripada raja-raja, para pembesar dan sarjananya seperti Tun Seri Lanang, Raja Ali Haji, Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain. Hikayat Raja Pasai dikatakan manuskrip yang terawal yang membicarakan aspek-aspek pengurusan Islam. Mengikut Shahrir (2008), *Hikayat Raja Pasai* ditulis di antara tahun 1400-1520 M, mengandungi teori kepimpinan yang berupa nasihat Sultan Malikul Saleh kepada cucunya, iaitu Malikul Mansur dan Malikul Mahmud, dan wasiat Sultan Malikul Mahmud kepada anaknya, iaitu Sultan Ahmad. Namun aspek kepengurusan dalam *Hikayat* ini masih

belum dikaji. Begitu juga dengan manuskrip *Sejarah Melayu* yang ditulis oleh Tun Seri Lanang itu.

Jika diteliti secara perbandingan, nilai-nilai Islam dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* lebih terserlah berbanding dengan apa yang diungkapkan dalam buku *Sejarah Melayu*. Dalam *Sejarah Melayu*, kaedah penggunaan lebih banyak menggunakan kiasan yang memerlukan penafsiran yang tepat berbanding dengan *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Namun, itulah yang mencabar para pengkaji pengurusan Melayu.

Selain daripada itu, al-Raniri dalam karya agungnya *Bustanus Salatin* (Taman Raja-Raja) 1939 M menjadi sumber ketatanegaraan kerajaan Islam Aceh yang mengandungi urusan-urusan pemerintahan berdasarkan kerangka Islam yang baik (Jelani 2005). Shahrir (2008) mencungkil teori kepimpinan daripada manuskrip ini berasaskan nasihat kepada raja-raja di dalam karya itu. Beliau hanya menyatakan teori kepengurusan manuskrip itu perlu dicungkil dari nasihat kepada Wazir di dalam karya itu.

Begitu juga karya Bukhari al-Jauhari (1603 M) yang hidup pada zaman pemerintahan Iskandar Alam dan menulis *Taj al-Salatin* (Mahkota Raja-Raja), telah dicungkil teori kepimpinan Islam di dalamnya berasaskan nasihatnya kepada raja dan sifat-sifat Khalifah dan raja yang diperihalkan di dalamnya. Aspek teori kepengurusannya yang ada di dalam *Taj al-Salatin* masih belum diselidik lagi, iaitu sifat-sifat unggul yang ada pada tokoh-tokoh berjawatan lebih rendah daripada Raja, Khalifah dan sebagainya yang ada di dalam karya itu.

Dalam tulisan Jelani (2011) yang lain, beliau memberikan contoh pengurusan yang berlaku dalam masyarakat Melayu lama di Perak. Melalui kajian terhadap dua buah manuskrip yang lahir dari istana Perak, iaitu *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala dan Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandar* yang menceritakan pengalaman pengurusan masyarakat Melayu lama yang berlangsung di negeri Perak. Antaranya menyentuh tentang urusan penyelenggaraan kematian raja mengikut adat dan agama, tempoh perkabungan, penggunaan kebesaran, nobat dan pertabalan. Justeru, aspek-aspek yang berkait dengan pengurusan harta (faraid), pengurusan ekonomi, pemerintahan, hukuman dan kesalahan merujuk kepada petikan daripada hukum fiqh Mazhab Syafie. Namun tiada prinsip atau teori pengurusan yang ditonjolkannya daripada sumber kajian itu.

Oleh kerana masyarakat Islam di Alam Melayu amat berhubung rapat antara agama dan budaya, penjajah British mempelajari pengurusan

kehidupan masyarakat Melayu melalui pengkajian manuskrip-manuskrip lama bagi mendekati masyarakat dan pemerintah Melayu disamping tujuan keagamaan. (Zakaria drk. 2005). Antara pegawai Inggeris yang melakukan kajian terhadap manuskrip sejarah kesultanan Melayu Islam ialah W. Marsden, T.S. Raffles, J.R. Logan, J. Rigby, W.E. Maxwell dan R.J. Wilkinson. Lanjutan daripada itu pada Julai 1879, Raffles menerbitkan “The Maritime Code of the Malays” dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, yang mempunyai pengaruh besar dalam kalangan pentadbir dan sarjana Inggeris di Tanah Melayu masa itu. (Jelani 2008). Karya-karya mereka ini masih belum menerbit teori kepimpinan Melayu sebagai seorang yang digariskan maksudnya oleh Shahrir (2008). Namun jelas karya-karya ini bagus sebagai sumber kejian pengurusan Melayu-Islam selanjutnya.

Justeru, kajian terhadap manuskrip lama memberi kefahaman bagaimana pengurusan organisasi sesebuah masyarakat berlaku. Lebih jauh lagi, kajian manuskrip menceritakan pengalaman jatuh bangunnya sesebuah kerajaan kerana kesilapan dalam pengelolaan urusan pemerintahan. Dari kaca mata penjajah Barat pengkajian manuskrip lama yang berkaitan pengurusan memberi inspirasi kepada penjajah mencari kelompangan yang wujud dalam sesebuah masyarakat dan peradaban. Manuskrip adalah sebahagian daripada warisan budaya bangsa yang boleh menjadi bahan yang memperkukuhkan kajian sejarah dan sosiobudaya.

7. Monumen dan Tinggalan Sejarah Sebagai Sumber Pengurusan Islam

Kashif (1983) menjelaskan bahawa monumen merupakan kesan peninggalan sejarah yang digunakan oleh ahli-ahli sejarah Islam sebagai sumber sampingan dalam pengkajian pentadbiran. Kesan-kesan monumen dapat dilihat melalui seni ukiran yang terdapat pada dinding masjid, kota-kota, kubu-kubu pertahanan, tanah perkuburan, bangunan istana dan tenunan tertentu. Monumen ini memberi gambaran yang tepat mengenai tradisi yang berlaku di satu-satu tempat malah menurut Ibn Khaldun (1967) ia menggambarkan kekuatan pentadbiran sesebuah kerajaan.

Dalam konteks pengurusan Islam, ‘Abdul Mun‘im (1964) menjelaskan ukiran-ukiran tulisan ayat-ayat *Al-Qur‘an* dan *hadith* banyak terdapat di dinding-dinding masjid, istana dan kubu pertahanan. Setengah ukiran tulisan Arab ini ditulis dengan nama-nama khalifah, sultan dan amir dengan pelbagai gelaran. Monumen juga bernilai sebagai rujukan asli pentadbiran Islam kerana ia memberi kenyataan yang sebenar

kerana kadang kala terdapat percanggahan dari aspek nama dan tarikh antara kenyataan yang ditulis oleh sejarawan dan ukiran tulisan tersebut. Al-Kindi misalnya menyebut bahawa masjid yang didirikan oleh Ahmad bin Tulun adalah pada tahun 264H, manakala ibn Duhamaq dan Abu al-Mahasin menyebut ia didirikan pada tahun 259H. Apabila kajian dibuat ke atas ukiran tulisan di masjid tersebut, ia sebenarnya didirikan pada tahun 265H. Malah didapati juga bahawa pada ukiran tersebut, ditulis nama pemerintah atau pemimpin dengan diberi gelaran yang pelbagai.

Pemerhatian terhadap bahan dan tekstur, ciri-ciri senibina dan saiz binaan memberi gambaran fenomena kehidupan yang berlaku pada masa lampau. Di Malaysia, tinggalan sejarah seperti A Famosa, bangunan Stadhuys, Kellie's Castle menceritakan pengurusan keselamatan, pengurusan masyarakat dan sebagainya yang berlaku pada zaman tersebut (Yusnita, 2006). Kajian terhadap masjid-masjid lama di Malaysia menunjukkan wujudnya pengaruh asing dalam seni bina kubah, hiasan bunga-bunga, tiang, reka bentuk gerbang. Justeru itu, pengurusan Islam sering kali melalui proses asimilasi khususnya apabila wujud dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum (Aziz drk. 1984).

Jelasnya struktur awal sesebuah bangunan atau monumen menceritakan pelbagai kisah tinggalan nenek moyang termasuk aspek-aspek yang berkait dengan pengurusan. Malahan setiap inci tinggalan sejarah lampau ini menceritakan pelbagai gambaran kehidupan yang berlaku dalam sesebuah tamadun silam.

8. Matawang Sebagai Sumber Pengurusan Islam

‘Abdul Mun‘im (1964) menjelaskan bahawa dalam pengkajian sejarah pentadbiran kerajaan Islam, matawang dapat membantu memberikan tarikh dan nama yang tepat. Matawang yang dicetak tertera di permukaannya gelaran ketua negara, tarikh ia dicetak dan kadang-kala menyebut aliran mazhab. Khalifah Harun Al-Rasyid merupakan orang yang pertama menulis namanya di atas permukaan duit (An-Najmi, 1971). Dalam konteks negara Malaysia, Potret Yang di-Pertuan Agong Pertama yang terdapat di sebelah kanan wang kertas Malaysia sebagai simbol bahawa Malaysia mengamalkan sistem pentadbiran pemerintahan beraja Melayu Islam yang mengikut perlembagaan. (<http://www.bankinginfo.com.my>) Lebih rinci lagi, misalnya Mohamed dan Nik Anwar (2009) menyatakan bahawa institusi kesultanan negeri Terengganu diasaskan selewatnya pada tahun 1708M. Penemuan matawang kupang emas Terengganu yang berbentuk lapan segi dengan berat 0.45 gram, ukur lilitnya 12 mm dan bertarikh 1120H (1708M) yang

mencatatkan nama Sultan Zainal Abidin Shah dengan bahagian belakangnya di tulis perkataan khalifatul Mukminin. Justeru ahli sejarah menyatakan sehingga 2008, genablah 300 tahun pentadbiran negeri itu di bawah kesultanan Terengganu. Selain daripada itu, 1708 M juga menceritakan tarikh pertabalan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu yang pertama.

Selain daripada itu matawang juga menjadi ukuran status kehidupan sesebuah masyarakat dalam era pentadbiran sesebuah kerajaan. Misalnya Abdullah Munsyi sewaktu kunjungannya ke negeri Terengganu pada tahun 1826 M dalam Kasim (1964) menyatakan sebagaimana berikut :

Syahadan maka adalah orang berniaga Negeri Terengganu itu tiga ribu delapan ratus empat puluh pitis timah yang termeterai di dalamnya Malikul Adil dipakai satu ringgit. Maka besarnya pitis itu seperti satu duit kita (dollar selat) juga adanya

Kenyataan di atas menceritakan matawang dengan panggilan pitis yang dibuat daripada logam timah dan ditulis gelaran pemerintah Malikul Adil pada tempoh tersebut. Justeru, ia menggambarkan penggunaan material matawang sama ada emas, perak atau timah menjadi penentu kepada kekayaan sesebuah kerajaan. Pun begitu, matawang bukanlah menjadi rujukan utama dalam pengurusan Islam, namun begitu ia membantu para penyelidik dalam menjelaskan tempoh pemerintahan seseorang pemimpin, lokasi pemerintahan dan gelaran pemerintah dan sebagainya.

Dalam konteks penulisan pengurusan Islam di Malaysia, nampaknya bersifat popular dan bermusim mengikut dasar-dasar kerajaan. Umpamanya, penekanan kerajaan terhadap penerapan nilai-nilai murni, dasar pandang ke timur dan penghayatan nilai-nilai Islam telah mendorong penulis tempatan menulis pengurusan Islam dengan memberi fokus kepada amalan pengurusan mengikut kerangka Islam dalam perkhidmatan semasa seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (*Time Quality Management*), Etika Kerja Islam, Tonggak 12, Piagam Pelanggan, 5S dan sebagainya (Wan Liz 1996). Galakan kerajaan terhadap sistem ekonomi Islam dan perbankan telah mendorong sarjana ekonomi di Malaysia mengenegahkan konsep-konsep pengurusan ekonomi Islam seperti *mudharabah*, *al-wadiah*, *al-rahnu* dan sebagainya (Mustafa 2005). Namun penulisan-penulisan ini tidak cukup kritis dan tidak bersifat perbandingan yang secukupnya seperti yang dikehendaki dalam gerakan pengislaman ilmu itu, sehingga terbentuknya sebuah teori

pengurusan Islam yang berbeza dan mengatasi teori-teori pengurusan Barat yang masih dianggap unggul itu terutamanya oleh para pengamal pengurusan Muslim sendiri pun.

Kesimpulan

Makalah itu dimuatkan dengan pelbagai sumber penulisan dan artifak keislaman yang dijangka mampu memberi gambaran ilmu kepengurusan Islam sehingga kini. Sifat-sifat kelemahan sumber ini juga dipaparkan dengan harapan sarjana akan menyahut seruan untuk memperbaiki keadaan itu.

Rujukan

- Abdul Mun'im M. 1964. *Muqaddimah li Dirasāt al-Tarikh al-Islāmī : Ta'rif bi masādir al-Tārikh al-Islāmī wa Minhājūh al-Hadith*. Maktabah al-Misriyyah: Qahirah.
- Abu Sin A.I. 1991. *Pengurusan Dalam Islam*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur. Terjemahan Abd Rashid Ngah & Jusoh Kadir.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991) *Pengurusan Dalam Islam*, Dewan Bahasa Dan Pustaka ms 36.
- Ahmad S. L. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Usuluddin dan Falsafah.
- Aidit G. 1991. *Islamic Thinkers on Economic, Administration and Transcaction*. Kuala Lumpur: Quil Publishers.
- Al-Buraey M. 1990. *Management and Administration in Islam*. King Fahd University of Petroleum and Minerals: Saudi Arabia.
- Alhabshi S.O. 1989. *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Petaling Jaya: Penerbit Hizbi.
- Al-Khatib M.Ñ. 1971. *Al-Sunnat Qabl al-Tadwin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- An-Najmi M. M. T. 1971. *Sejarah Tamadun Islam*. Pustaka Aman: Kelantan.
- Anwar M.b.O. D. & Nik Anwar N. M. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1700 – 2008*. Kuala Terengganu : Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Asy-Syalabi A. M. 2003. *Bangkit dan Runtuhnya Khilafah 'Utsmaniyah*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Aziz A. R. 1984. *Kajian Bangunan Lama Masjid Sungai Ramal, Selangor*. Shah Alam: ITM.

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

- Balkhis A. B. 1996. Pentadbiran Dan Pengurusan Islam di Andalusia Dlm. *Pengurusan Dalam Islam El-Muhammady A.H. (Pnyel.)* Kuala Lumpur: Bluee-T Press Sdn Bhd.
- Berhanundin A. 2000. Pentadbiran Organisasi Dakwah dalam Abdul Ghaffar Don, et.al., (ed) *Dakwah dan Pengurusan Islam*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Gladden E. N. 1952. *An Introduction to Public Administration*, Edisi II. London: Staple Press.
- Ibn Khaldun. 1967. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Jilid 2. Edisi 2, Terj. Franz Rosenthal, Bollingen Series, Princeton University Press.
- Internet. 2012. Matawang Malaysia, dimuat turun pada 18/10/2012 daripada <http://www.bankinginfo.com.my>
- Jelani H. 2005. *Bustan Al-Salatin* Mutiara Kesufian untuk Raja-Raja Daripada Nuruddin al-Raniri. *Jurnal Filologi Melayu*, Jilid 13, UKM.
- 2008. Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London. *SARI Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu* 26: 127-148.
- 2011. Asal-Usul Raja, Negeri dan Adat Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Penyimpangan Sumber Tradisi. *Sari- International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1): 333 -353.
- Kamus Dewan. 2010. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kashif S. I. 1983. *Masādir al-Tārikh al-Islāmiyyah wa Manāhij al-Bahth Fīhi*. Beirut: Dar al-Rā'id. Al- Arabi.
- Kassim A. 1964. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmassani S. 1961. *Falsafat at-Tashri' fil-Islam: The Philosophy of Jurisprudence in Islam* (Farhat I. Ziadeh trans.), Lieden: E.J. Brill. p. 151
- Muhammad Yusoff H. 1991. *Terengganu Daruliman : tradisi persejarahan Malaysia* Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mumin A. G. 2006. *Sistem Pengurusan Islam: Tinjauan Menyeluruh dari Aspek Konsep dalam Dimensi Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustafa D. 2005. *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur : PRIN-AD Sdn Bhd.
- Mustafa Hj D.. 1994. *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Sebuah Sorotan Sumber Pengurusan Islam

- Paryadi. 2008. Umar Bin Khattab Founder And Administrator Of Muslim. *Ittihad Jurnal Kopertis Wilayah XI Kalimantan* 6 (10).
- Rosenthal F. 1968. *A History of Muslim Historiography*. E.J.Brill Leidin: Netherlands.
- Salim B. H. 1994. *Muhktasar Tafsir Ibnu Kathir*. Kuala Lumpur: Victory Agencies.
- Shaharir b. M. Z. 2008. *Pembinaan Semula Teori Kepimpinan Dan Pengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: UMT.
- Wan Liz O. W. O. 1996. *Pengurusan Islam Abad ke 21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Winsted A.E. 1936. *Al-Muñjam Al-Mufaharsu Lil AlfÉz Al-Hadith Al-Nabawy*., E.J.Brill Leidin: Netherlands.
- Yusnita R. 2006. *Kajian Penilaian Bangunan Sejarah*. Tesis sarjana muda di UTM, Skudai. Johor.
- Zakaria M. Shukran M. b .A. R. & Mujaini T. 2005. *Transliterasi Naskhah Manuskrip (Al-Targihb wa Al-Tarhib Oleh Abdul Qadir B Abdul Rahim)*. Shah Alam: UiTM.